

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS (*MERS-CoV*) UNTUK JEMAAH HAJI ATAU UMRAH DAN PELAWAT**

*Novel Coronavirus*, yang juga dikenali sebagai *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)* pada masa kini berlaku di Arab Saudi dan dilaporkan di beberapa Negara Timur Tengah lain. Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mula melaporkan mengenainya pada September 2012. Sehingga 31 Mei 2013, sejumlah 53 kes *MERS-CoV* yang disahkan melalui ujian makmal telah dilaporkan dari seluruh dunia, meliputi 30 kematian. Rakyat Malaysia juga berisiko mendapat jangkitan kerana bilangan yang mengerjakan haji dan umrah adalah agak tinggi. Justeru para Jemaah atau pelawat diingatkan agar sentiasa berwaspada mengenai jangkitan *MERS-CoV* ini.

Untuk makluman, *MERS-CoV* menyebabkan jangkitan saluran pernafasan akut di kalangan manusia. Gejala utama adalah demam, batuk, dan kesukaran untuk bernafas. Kebanyakan kes mengalami radang paru-paru (*pneumonia*). Pihak *World Health Organization (WHO)* menyatakan punca jangkitan dan cara jangkitan bagi *MERS-CoV* ini masih lagi belum dapat dikenalpasti. Pihak WHO juga menegaskan tiada vaksin untuk *MERS-CoV* pada ketika ini. Kebanyakan kes, jangkitan *MERS-CoV* adalah ringan. Bagi individu yang kurang daya tahan jangkitan, gejala jangkitan mungkin berlaku dalam bentuk yang tidak lazim (*atypical*).

Sehubungan itu, memandangkan buat masa ini punca jangkitan dan cara jangkitan masih belum dikenalpasti, pihak WHO tidak mengeluarkan sebarang nasihat perjalanan atau sebarang larangan

lawatan ke negara-negara yang terlibat. Oleh itu, pihak KKM ingin menasihatkan mengenai perkara-perkara berikut untuk mengelakkan jangkitan respiratori:

- i) Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*), terutamanya selepas batuk, bersin atau selepas bersalaman.
- ii) Semasa dalam tempoh lawatan, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (*medical mask*) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) untuk digunakan apabila perlu.
- iii) Semasa dalam tempoh lawatan, elakkan dari menjamah makanan mentah atau tidak dimasak dengan sepenuhnya, menjamah buah-buahan mahupun sayuran yang tidak dibasuh terlebih dahulu atau meminum minuman yang menggunakan bekalan air tidak terawat.
- iv) Mereka yang pulang ke Malaysia dengan gejala jangkitan respiratori (demam, batuk, selsema dan sakit tekak) adalah dinasihatkan untuk memakai penutup mulut dan hidung (*medical mask*). Jika gejala yang dialami berterusan dan menjadi bertambah teruk, segera dapatkan rawatan perubatan serta maklumkan mengenai sejarah perjalanan mereka kepada doktor yang merawat.

KKM akan terus memantau situasi kejadian penyakit ini dan sebarang perkembangan dari pihak WHO akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. KKM akan terus berhubung dengan pihak WHO untuk memantau situasi terkini MERS-CoV, seterusnya mengambil langkah pencegahan dan kawalan sebagaimana yang disarankan.

Disediakan oleh:

Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

12 Jun 2013